

17 OCT 1996
Dewan-boikot
ANGGOTA BN BOIKOT SIDANG DUN KELANTAN

KOTA BAHARU, 17 Okt (Bernama) -- Sebanyak 17 anggota Barisan Nasional (BN) hari ini memulaukan sesi kedua pada hari terakhir persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan kerana mendakwa kerajaan negeri bersikap lewa dalam menjawab soalan berkaitan kepentingan rakyat dan tidak bertanggungjawab dalam memainkan peranannya.

Ketua Pembangkang Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir berkata barisan pembangkang negeri bertindak memulaukan persidangan itu ekoran daripada beberapa tindakan anggota Exco Kerajaan Negeri dari Pas yang tidak serius dalam memberikan jawapan yang dikemukakan oleh anggota BN.

"Kita cuba untuk memberikan pandangan dan teguran yang menyentuh kepentingan rakyat khususnya penyelewengan yang berlaku dalam pentadbiran negeri tetapi kerajaan negeri cuba menafikannya serta tidak ikhlas dalam membuat penjelasan...jadi tidak guna kita memasuki Dewan semula," katanya kepada pemberita.

BN mempunyai 18 anggota dalam Dewan Undangan Kelantan. Seorang daripada anggotanya, Ariffin Mahmud (Ketereh) tidak hadir kerana uzur sejak persidangan dimulakan pada Isnin lepas.

Ini adalah tindakan kedua anggota BN memulaukan persidangan pada tahun ini. Pada 7 Julai lepas anggota BN yang ketika itu terdiri tujuh anggota memulaukan persidangan setelah usul mereka supaya Dewan membincangkan projek penswastan bekalan air negeri ditolak oleh Speaker Haji Wan Abdul Rahim Wan Abdullah.

Pemulauan persidangan oleh anggota BN itu juga bagi membantah ucapan wakil Manik Urai, Ismail Yaakub dari Pas yang mereka anggap telah mengecam dan menghina Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Wan Hashim Wan Daud dan kakitangan kerajaan yang lain semasa membahaskan Belanjawan Negeri 1997 semalam.

Susulan tindakan anggota BN itu, 50 anggota Pegawai Tadbir Negeri juga keluar beramai-ramai dari dewan bagi membantah perkara yang sama, sejurus selepas sidang bersambung semula pada pukul 2.40 petang selepas rehat tengah hari.

Selain tindakan memulau sidang itu, anggota BN turut tidak menghadiri majlis makan tengah hari yang diadakan oleh Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat untuk semua anggota dewan serta pegawai kerajaan di kediaman rasminya yang terletak berhampiran Kota Darul Naim, tempat persidangan.

Pagi ini kesemua empat anggota Exco kerajaan negeri dari Umno termasuk Timbalan Menteri Besar Datuk Rozali Isohak tidak menghadiri keseluruhan persidangan yang diadakan hari ini.

Rozali ketika ditanya berkata mereka dengan sengaja tidak menghadiri persidangan kerana merasakan tidak perlu lagi berbuat demikian. Kehadiran mereka dalam persidangan juga diibaratkan sebagai pemerhati saja kerana tidak dibenarkan menjawab sebarang soalan yang dikemukakan setelah kesemua portfolio mereka ditarik oleh Nik Aziz sejak Julai lepas.

"Selain itu kedudukan kita sebagai Exco juga dijangka tidak lama kerana kita akan memutuskan mengenai perkara itu tidak lama lagi," katanya.

Malahan sewaktu persidangan yang berlansung sejak Isnin, Rozali dan tiga lagi Exco S46, yang diletakkan bersama barisan kerajaan, jauh daripada barisan pembangkang, sering disindir oleh anggota dari Pas kerana keengganan mereka melepaskan jawatan.

Rozali berkata beliau akan memaklumkan kedudukan mereka kepada bekas Presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah dan keputusan muktamad dijangka dibuat

selepas perbincangan antara Tengku Razaleigh dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Rozali juga berkata persidangan kali ini memperlihatkan barisan pembangkang semakin kuat dalam menegakkan kepentingan rakyat. -- BERNAMA
RAR MAI